	<b>Hutan Paya Air Masin</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kawasan Pantai Pahang, Johor dan Melaka.</li> <li>Kawasan pantai timur dan tenggara Sabah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bakau api-api, bakau kurap dan bakau minyak</li> <li>Hidupan air : Ikan, Ketam, siput dan udang</li> </ul>

## Taburan sumber mineral di Malaysia

### a) Sumber Mineral







JENIS MINERAL	TABURAN / KAWASAN	KETERANGAN
Bauksit	Teluk Ramunia dan Seri Medan (Johor), Sematan dan Tanjung Seberang (Sarawak)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Industri membuat aluminium dan tin aluminium.</li> <li>Dieksport ke Jepun dan Amerika Syarikat.</li> </ul>
Bijih Besi	Temangan (kelantan), Bukit Besi (Terengganu), Kota Tinggi dan Endau (Johor), Yan dan Semeling (Kedah), Tambun (Perak)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Digunakan dalam industri besi dan keluli.</li> <li>Kilang besi di Prai (pulau pinang), Teluk Kalung dan Gong Badak (Terengganu) dan Gurun (Kedah)</li> </ul>
Tembaga (kuprum)	Mamut dan Ranau (Sabah), Kuala Krai (Kelantan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penting dalam perusahaan kejuruteraan elektrik</li> <li>Membuat barang pancalogam seperti loyang</li> <li>Membuat saluran, tiub dan dandang.</li> </ul>
Emas	Bau (Sarawak), Lubuk Mandi, Rusila (Terengganu), Kuala Lipis, Raub (Pahang), Penjom (Hulu Kelantan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Industri barang kemas dan aksesori wanita.</li> <li>Membuat barang perhiasan.</li> </ul>
Arang Batu	Merit-Pila dan Silantek (Sarawak), Pulau Labuan, Silimpopon (Sabah) dan Enggor (Perak).	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bahan api industri besi dan keluli.</li> <li>Bahan api stesen janakuasa elektrik</li> <li>Menghasilkan barang-barang sampingan seperti kain sintetik, sabun, ubat, bahan letupan, simen dan ubat serangga.</li> </ul>

Batu Kapur	Tasek (Perak), Pulau Langkawi (Kedah), Batang Lupar (Sarawak) dan Tawau (Sabah)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Digunakan di dalam industri membuat simen</li> </ul>
Fosfat	Gua Niah (Sarawak)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat baja (diperoleh daripada najis kelawar)</li> </ul>
Kaolin	Air Hitam dan Machap (Johor), Kuching (Sarawak), Bidor dan Tapah (Perak)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Industri barang tembikar, seramik, genting dan bau-bata.</li> </ul>
Batu marmor	Pulau langkawi (Kedah) dan Lembah Kinta (Perak)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bahan binaan dalam pembinaan bangunan</li> <li>Barangan kraftangan dan cenderahati.</li> </ul>

b) Sumber Hutan



c ) Sumber Tenaga



## SUMBER TENAGA DI NEGARA LAIN

### Perancis (Tenaga Ombak)

1. ombak yang bergerak ke pantai akan menghasilkan daya yang memutarkan turbin generator yang dibina di pinggir laut.
2. digunakan untuk menyalakan rumah api.

### Iceland (Geoterma)

1. diperoleh daripada wap panas atau glasier dari dalam bumi.
2. Geiser menghasilkan tenaga haba lalu ditukarkan kepada tenaga elektrik.
3. Terletak di kawasan gunung berapi yang aktif.

### China (Tenaga Pasang Surut)

1. dihasilkan oleh ombak yang pasang dan surut.
2. menggunakan kaedah empangan dan arus pasang surut.
3. Terletak di Jiangxi dan Zhejiang.



### Belanda (Tenaga Angin)

1. digunakan untuk mengepam air untuk tanaman, mengisar bijirin dan memecah biji sawi.

### India (Tenaga Biomas)

1. hasil pereputan sisa pertanian, hutan dan sisa buangan haiwan.
2. digunakan untuk memasak, menyalakan lampu dan industri.


### Jepun (Tenaga Solar)

1. cahaya matahari yang diterima oleh alat fotovoltaik ditukarkan kepada tenaga elektrik.
2. digunakan untuk menggerakkan kenderaan, bekalan elektrik dirumah, pejabat dan kilang

### Latihan Pengukuhan

Jawab soalan-soalan yang berikut.

1. Lengkapkan jadual di bawah dengan lokasi perlombongan dalam peta berikut




KOD	SUMBER	KAWASAN	KOD	SUMBER	KAWASAN
A1	Petroleum		F	Kaolin	
A2	Petroleum		G	Kuprum	
A3	Petroleum		H	Bijih timah	
B1	Gas asli		I	Bijih timah	
B2	Emas		J	Arang batu	
C	Bijih besi		K	Arang batu	
D	Bauksit		L	Bijih besi	
E	Batu kapur		M	Emas	


2. Lengkapkan jadual di bawah dengan sumber hutan atau jenis hutan.

SUMBER HUTAN	JENIS HUTAN
<ul style="list-style-type: none"> <li>Rafflesia, periuk kera, orkid gergasi</li> <li>Musang, beruang, kongkang dan burung</li> </ul>	
	Hutan Pantai
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pokok bakau, lenggadai dan bakau api-api</li> <li>Ikan, ketam, keluang dan memerang</li> </ul>	
	Hutan Paya Air Tawar
<ul style="list-style-type: none"> <li>Meranti, cengal, nyatuh, jelutung</li> <li>Gajah, harimau, tapir dan rusa</li> </ul>	

3. Nyatakan dua kegunaan sumber-sumber tenaga berikut.




4. Nyatakan sumber tenaga di negara-negara lain.



**Bab 7 : Taburan Pelbagai Sumber**

1.



Kaedah untuk mendapatkan tenaga  
↓

- Empangan
- Arus pasang surut

Tenaga ombak paling giat dimajukan di kawasan bertanda

- |      |       |
|------|-------|
| A I  | C III |
| B II | D IV  |

2. Uranium dan plutonium dapat dikaitkan dengan penghasilan

- |                    |  |
|--------------------|--|
| A tenaga suria     |  |
| B tenaga biomas    |  |
| C tenaga nuklear   |  |
| D tenaga geotermal |  |

3. Pilih pasangan yang benar.

Jenis mineral	Taburan
I Gas asli	Mamut
II Kaolin	Bidor
III Emas	Raub
IV Batu kapur	Lembah Langat

- |              |              |
|--------------|--------------|
| A I dan II   | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV   |

4.

Lembah Kinta → Melombong bijih timah  
Bandar X → Melebur bijih timah


Bandar X mungkin sekali ialah

- |               |  |
|---------------|--|
| A Tasek       |  |
| B Port Klang  |  |
| C Batu Arang  |  |
| D Butterworth |  |

5. Antara berikut, kawasan yang manakah terdapat tumbuh-tumbuhan gunung?

- |                     |              |
|---------------------|--------------|
| I Tasik Bera        |              |
| II Banjaran Iran    |              |
| III Teluk Cempedak  |              |
| IV Banjaran Crocker |              |
| A I dan II          | C II dan IV  |
| B I dan III         | D III dan IV |


6.



Negara yang berlorek dalam peta di atas dapat dikaitkan dengan kegiatan memajukan

- |                       |  |
|-----------------------|--|
| A tenaga angin        |  |
| B tenaga ombak        |  |
| C tenaga geotermal    |  |
| D tenaga pasang surut |  |

7.



Antara berikut, yang manakah dapat dikaitkan dengan kawasan berlorek?

- |              |              |
|--------------|--------------|
| I Tapis      | III Baram    |
| II Bekok     | IV Tembungo  |
| A I dan II   | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV   |

8. Antara berikut, yang manakah merupakan sumber tenaga yang boleh diganti dan diguna secara berterusan?

- |                         |  |
|-------------------------|--|
| I Tenaga terma          |  |
| II Tenaga nuklear       |  |
| III Tenaga biomas       |  |
| IV Tenaga hidroelektrik |  |


- A I dan II    C III dan IV  
 B II dan III    D I dan IV

9. Antara berikut, yang manakah sesuai menggunakan tenaga suria?



- A I, II dan III  
 B I, II dan IV  
 C I, III dan IV  
 D II, III dan IV

10.



SEmenanjung MALAYSIA

Antara berikut, yang manakah merupakan kawasan stesen kuasa elektrik terma?

- A I dan II    C III dan IV  
 B II dan III    D I dan IV

11. Di Malaysia, tenaga suria banyak digunakan untuk

- I menggerakkan kenderaan bermotor  
 II menjana kuasa untuk sektor perindustrian  
 III memanaskan air dengan alat pemanas air di rumah  
 IV membekalkan tenaga untuk alat perhubungan telefon
- A I dan II    C III dan IV  
 B II dan III    D I dan IV

12. Antara berikut, yang manakah merupakan tumbuhan yang tumbuh di hutan gunung?

- I Paku pakis  
 II Raffl esia  
 III Jelutong  
 IV Gelam

- A I dan II    C III dan IV  
 B II dan III    D I dan IV

13.




SEmenanjung MALAYSIA

Pilih pernyataan yang benar tentang stesen jana kuasa elektrik P dan Q.

	P	Q
A	Gas asli	Hidroelektrik
B	Hidroelektrik	Petroleum
C	Biomas	Gas asli
D	Petroleum	Biomas

14.



Proses di atas dapat dikaitkan dengan sumber tenaga

- A suria  
 B biomas  
 C nuklear  
 D geotermal


15. Antara berikut, yang manakah merupakan kaedah penjanaan tenaga ombak?

- I Pelampung  
 II Empangan  
 III Saluran terus  
 IV Kolam berayun

- A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D II, III dan IV
16. Pilih pasangan yang benar.
- |          | <b>Tempat</b>        | <b>Negeri</b> |
|----------|----------------------|---------------|
| <b>A</b> | Empangan Temenggor   | Kedah         |
| <b>B</b> | Empangan Kenyir      | Pahang        |
| <b>C</b> | Empangan Tenom Pangi | Sarawak       |
| <b>D</b> | Empangan Kenering    | Perak         |
17. Antara berikut, sumber tenaga yang manakah diusahakan dengan meluas di Iceland?
- A Geotermal C Angin  
B Ombak D Solar
18. Faktor-faktor yang menghalang perkembangan penggunaan tenaga nuklear di Malaysia ialah
- I tidak mempunyai bekalan uranium dan plutonium  
II kos pengeluaran yang tinggi  
III kurang permintaan  
IV berbahaya kepada alam sekitar
- A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D II, III dan IV
19. Antara berikut, yang manakah merupakan kawasan hutan paya air tawar?
- I Tasik Bera  
II Tasik Chini  
III Muara Sungai Rajang  
IV Pantai timur Kelantan
- A I dan II  
B II dan III  
C III dan IV  
D I dan IV
20. Antara berikut, yang manakah merupakan kegunaan tenaga suria di Jepun?
- I Memanaskan air  
II Mengeringkan hasil pertanian  
III Menjadi bahan bakar  
IV Menjana kuasa elektrik
- A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D II, III dan IV
- 21.
- 
- Antara berikut, kawasan yang manakah merupakan stesen kuasa elektrik terma?
- A I C III  
B II D IV
- 22.
- 
- SEMENANJUNG MALAYSIA
- 
- Tumbuhan dalam rajah di atas dapat ditemui di kawasan bertanda
- A I C III  
B II D IV


23. Loji penapisan petroleum terletak di  
 I Bintulu  
 II Port Dickson  
 III Tangga Batu  
 IV Teluk Ramunia  
 A I dan II              C III dan IV  
 B II dan III            D I dan IV

24.



- Rajah di atas menunjukkan penghasilan tenaga yang dapat dijumpai di negara  
 A India                    C Iceland  
 B Jepun                  D Perancis

25.




Lokasi	Empangan
I	Temenggor
II	Tembeling
III	Tanah Tinggi Cameron
IV	Kenyir

Pilih pasangan yang benar berkaitan lokasi empangan dalam peta di atas.

- Lokasi Empangan  
 I Temenggor  
 II Tembeling  
 III Tanah Tinggi Cameron  
 IV Kenyir  
 A I dan II    C III dan IV  
 B II dan III    D I dan IV

26. Penggunaan tenaga nuklear terhad di Malaysia kerana  
 I permintaan untuk tenaga rendah  
 II keadaan bentuk muka bumi  
 III kos pembinaan yang tinggi  
 IV kurang kepakaran  
 A I dan II    C III dan IV  
 B II dan III    D I dan IV

27.




SEMPENANJUNG MALAYSIA

- Punca air
- Menjana kuasa hidroelektrik
- Kegiatan pelancongan

Antara berikut, empangan yang manakah boleh dikaitkan dengan maklumat di atas?

- A I    C III  
 B II    D IV

28.




- Rajah di atas menunjukkan proses menghasilkan tenaga. Sistem penghasilan ini terdapat di  
 A India  
 B Jepun  
 C China  
 D Perancis

29. Mengapakah tenaga suria boleh dijadikan sumber tenaga gantian di negara Malaysia?

A Pancaran matahari enam jam sehari  
B Kadar kelembapan yang rendah  
C Bezaantra suhu harian besar  
D Dikelilingi lautan yang luas

30.



Mineral yang dilombong di kawasan berlorek ialah

A emas                    C bijih besi  
B arang batu            D petroleum


31.

**MINT**

Agensi di atas boleh dikaitkan dengan sumber

A gas asli              C petroleum  
B nuklear                D bijih timah

32.



Kegunaan mineral yang dilombong di atas adalah untuk menghasilkan

I cat  
II batu bata  
III getah tiruan  
IV racun serangga  
A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D II, III dan IV

33.

- Teluk Ramunia
- Bukit Gebung

Maklumat di atas dapat dikaitkan dengan mineral

A emas	C arang batu
B bauksit	D bijih timah

34. Tumbuhan yang boleh dijumpai di kawasan pantai berpasir ialah

A ru	C lumut
B nipah	D periuk kera

35. Pilih pasangan yang benar.

	<b>Negara</b>	<b>Jenis sumber</b>
A	India	Biomas
B	Jepun	Angin
C	Iceland	Ombak
D	Perancis	Geotermal

36. Pilih pernyataan yang benar tentang tenaga biomas di India.

I Tenaga biomas digunakan hampir satu per tiga di India  
II Sumber tenaga biomas diperoleh daripada pertanian dan penternakan  
III Tenaga biomas digunakan untuk memasak dan menyalakan lampu  
IV Hampir 90% penduduk bandar menggunakan bahan api biomas  
A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D II, III dan IV

37. Apakah faktor yang menyumbang kepada kejayaan Jepun menghasilkan separuh daripada tenaga solar dunia?

I Menerima pancaran matahari minimum 8 jam sehari  
II Berpotensi mengurangkan penggunaan tenaga fosil  
III Mempunyai kemajuan teknologi yang sangat tinggi  
IV Mendapat sokongan dan bantuan kerajaan

- A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D II, III dan IV

38. Tenaga solar berpotensi dibangunkan di Malaysia kerana  
 I terletak dalam kawasan zon panas  
 II memiliki kemajuan teknologi  
 III menerima sinaran matahari 7 hingga 8 jam sehari  
 IV menerima suhu yang tinggi setiap hari  
 A I, II dan III  
 B I, II dan IV  
 C I, III dan IV  
 D II, III dan IV

39. Di India, sumber tenaga biojisim biasanya diperoleh daripada  
 I najis binatang  
 II sisa pertanian  
 III sisa industri  
 IV sisa kayu  
 A I, II dan III  
 B I, II dan IV  
 C I, III dan IV  
 D II, III dan IV

40. Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan menggunakan sumber hidroelektrik?  
 I Sumber tenaga yang bersih  
 II Tidak mencemarkan alam  
 III Tidak memusnahkan flora dan fauna  
 IV Sumber boleh diperbaharui  
 A I, II dan III  
 B I, II dan IV  
 C I, III dan IV  
 D II, III dan IV

41. Pilih pernyataan yang benar tentang penggunaan sumber tenaga di Malaysia.  
 I Tenaga nuklear digunakan dalam bidang perubatan  
 II Penggunaan gas asli merupakan sumbangan terbesar  
 III PETRONAS ditubuhkan untuk menguruskan industri petroleum  
 IV Institut Penyelidikan Tenaga Nuklear Malaysia (MINT) menjalankan aktiviti penyelidikan ke atas kuasa nuklear

- A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D II, III dan IV

42.


	Hutan	Jenis tumbuhan
I	Hutan pantai	Mengkuang laut
II	Hutan paya bakau	Keladi air
III	Hutan hujan tropika	Pokok ru
IV	Hutan gunung	Lumut

Pilih pasangan yang benar.

- A I dan II  
 B II dan III  
 C III dan IV  
 D I dan IV

43. Antara berikut, yang manakah merupakan kawasan utama batu kapur di Malaysia?  
 I Gua Niah  
 II Silantek  
 III Batu Caves  
 IV Tanah tinggi Dataran Hilir Perak  
 A I, II dan III  
 B I, II dan IV  
 C I, III dan IV  
 D II, III dan IV

44.



Negara yang mengusahakan tenaga tersebut ialah

- A Jepun  
B China  
C Belanda  
D Perancis

45. Pilih pasangan yang benar.

	Tenaga	Nama stesen
A	Pasang surut	Pulau Dachen, China
B	Geotermal	Pulau Gosaba, India
C	Biomas	Krafla, Iceland
D	Kuasa hidroelektrik	Kerteh, Terengganu

46. Antara berikut, negara pertama di dunia yang manakah memperkenalkan penjanaan tenaga ombak?

- A India C Belanda  
B China D Perancis

47. Antara berikut, yang manakah merupakan faktor-faktor yang menyebabkan tenaga angin dimajukan di Belanda?


- I Dapat mengurangkan penggunaan fosil
  - II Kuasa hidroelektrik tidak dapat dimajukan kerana sungai tidak mengalir deras
  - III Kedudukan Belanda terdedah kepada tiupan angin yang kuat
  - IV Tenaga angin merupakan penyumbang utama di Belanda
- A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D II, III dan IV

48.



Rajah di atas menunjukkan tenaga A solar C geotermal  
B biomas D hidroelektrik

49. Ketinggian (m)



Antara berikut, zon yang manakah didapati tumbuh dengan pokok pain?

- A I C III  
B II D IV

50. Negara pengeksport sel photovoltaic (PV) terbesar di dunia ialah

- A India  
B Jepun  
C China  
D Kanada

51. Kincir angin di Belanda banyak dibina di pinggir pantai kerana

- I menjimatkan tanah
  - II dekat dengan bandar
  - III tiupan angin lebih kuat
  - IV kawasan lebih luas
- A I dan II  
B II dan III  
C III dan IV  
D I dan IV

52. Stesen jana kuasa elektrik yang menggunakan bahan bakar gas asli ialah


- A Paka C Perai  
B Tawau D Kota Kinabalu

53.



Foto di atas dapat dikaitkan dengan penghasilan tenaga menggunakan kuasa angin di negara  
A Jepun C Perancis  
B China D Belanda

54.



Berdasarkan peta di atas, bandar yang manakah merupakan loji memproses gas asli?

- |      |       |
|------|-------|
| A I  | C III |
| B II | D IV  |


55. Antara berikut, yang manakah merupakan kegunaan tenaga geotermal di Iceland?  
I Memasak  
II Menternak ikan  
III Memanaskan rumah  
IV Memanaskan rumah kaca  
A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D II, III dan IV
56. Antara berikut, negara yang manakah memajukan tenaga geotermal?  
A China  
B Belanda  
C Iceland  
D Perancis

57.

- Wilayah Zhejiang
- Fujian
- Guangdong

Daerah-daerah di atas boleh dikaitkan dengan tenaga  
A suria  
B biojisim  
C geotermal  
D pasang surut

58.



Rajah di atas menunjukkan  
A hutan pantai  
B hutan gunung  
C hutan paya bakau  
D hutan hujan tropika


59. Antara berikut, sumber tenaga yang manakah berpotensi dibangunkan di Malaysia?

- |                     |              |
|---------------------|--------------|
| I Tenaga suria      |              |
| II Tenaga biomas    |              |
| III Tenaga nuklear  |              |
| IV Tenaga geotermal |              |
| A I dan II          | C II dan IV  |
| B I dan III         | D III dan IV |

60. Pilih pernyataan yang benar tentang sumber tenaga.  
I China memiliki stesen pasang surut yang paling banyak di dunia  
II Tenaga ombak digunakan untuk menghasilkan tenaga elektrik di Perancis  
III Jepun merupakan negara pengeluar tenaga solar yang utama di dunia  
IV Tenaga biomas digunakan secara meluas di Iceland  
A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D II, III dan IV


## BAB 8 : KEPENTINGAN KEPELBAGAIAN JENIS SUMBER

### 8.1 Kepentingan Penerokaan Pelbagai Sumber



Kepentingan	Penyataan
1. Menyediakan bahan mentah	<p>Hutan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sumber kayu kayan : bahan pembinaan, industri pulpa dan kertas, perabot, membuat kapal dan ladasan kereta api.</li> <li>- Contohnya : kayu jelutong, damar minyak, merbau, meranti, balau, keruing dan cengal.</li> <li>- Kayu bakau : menghasilkan arang kayu dan cerucuk bangunan.</li> </ul> <p>Air</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bekalan air bersih, menyejukkan jentera dan mesin, menghasilkan sumber tenaga hidro, mengairi sawah padi, hasil perikanan.</li> </ul> <p>Mineral logam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bijih timah (perusahaan penyaduran logam, mengetin dan industri pateri logam)</li> <li>- Kuprum (perusahaan kejuruteraan elektrik, pancalogam dan loyang).</li> <li>- Bauksit (menghasilkan aluminium untuk industri badan kapal terbang)</li> <li>- Bijih besi (industri besi dan keluli, bahan kejuruteraan, bahan binaan)</li> </ul> <p>Mineral logam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Petroleum (bahan api, perusahaan petrokimia, membuat cat, bitumen, plastik, gentian sintetik dan PVC).</li> <li>- Gas asli (bahan api, gas memasak, gas pateri logam)</li> <li>- Fosfat (bahan baja urea)</li> <li>- Arang batu (bahan api stesen jana kuasa dan bahan api industri)</li> </ul> <p>Tanah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kaolin (Jubin, tembikar, dan seramik)</li> <li>- Batu kapur (bahan untuk industri simen)</li> <li>- Tanah Liat (batu-bata)</li> </ul>

<p>2. Menyediakan peluang pekerjaan</p>	<p>Hutan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kegiatan pembalakan menyediakan pekerjaan kepada penduduk Sandakan (Sabah), Temerloh (Pahang) dan Sibu (Sarawak).</li> <li>- Perkembangan industri perabot dan kilang papan.</li> <li>- Sektor ekopelancongan</li> </ul> <p>Air</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kegiatan perikanan menyediakan pekerjaan kepada nelayan yang tinggal di pinggir laut.</li> <li>- Perikanan akuakultur.</li> </ul> <p>Mineral</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perlombongan bijih timah mewujudkan peluang pekerjaan (Lembah Kinta, Lembah Klang dan Seremban)</li> <li>- Perlombongan petroleum (Kerteh, Miri dan Lutong).</li> <li>- Perlombongan bauksit (Teluk Ramunia).</li> </ul> <p>Tanah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pertanian mewujudkan pekerjaan kepada petani dalam kegiatan penanaman padi) Datarn Kedah-Perlis dan Datarn Kelantan.</li> <li>- Tanaman getah dan kelapa sawit(Kaki bukit dataran pantai barat dan dataran pantai timur semenanjung Malaysia.</li> <li>- Membuat barang tembikar, kilang marmar dan kuari.</li> </ul>
<p>3. Meningkatkan pendapatan negara</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sumber petroleum dieksport kr Jepun, Singapura dan Amerika Syarikat.</li> <li>- Bijih timah dieksport ke Eropah dan Amerika Syarikat.</li> <li>- Kegiatan ekopelancongan turut berkembang.</li> <li>- Kegiatan perikanan air tawar dan air masin.</li> </ul>
<p>4. Pembukaan kawasan baru</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perlombongan bijih timah mempengaruhi pembukaan awal bandar (kuala lumpur, ipoh, taiping dan seremban)</li> <li>- Sumber petroleum memperkembangkan Bandar Miri (Sarawak) dan Kerteh (terengganu).</li> <li>- Kegiatan pertanian membuka kawasan lading getah dan kelapa sawit.</li> </ul>
<p>5. Kemajuan Infrastruktur</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempengaruhi pembinaan landasan kereta api dan jalan raya.</li> <li>- Mewujudkan perumahan moden</li> <li>- Mewujudkan kawasan perumahan tersusun.</li> <li>- Meningkatkan kemudahan asas, sistem telekomunikasi, pelabuhan, lapangan terbang.</li> </ul>



## BAB 9 : KESAN PENEROKAAN SUMBER TERHADAP ALAM SEKITAR

KESAN PENEROKAAN	KETERANGAN
Perubahan pandang darat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kegiatan perlombongan telah mengubah pandang darat sesuatu kawasan.</li> <li>2. Di kawasan bekas lombong bijih timah terdapat banyak kolam dan tasik besar serta ditumbuh semak samun.</li> <li>3. Kegiatan pembalakkan menye-babkan hutan yang luas menjadi gondol dan terdedah kepada hakisan.</li> <li>4. Penerokaan sumber juga meng-ubah sesuatu kawasan yang tidak didiami kepada kawasan petempatan.</li> <li>5. Contohnya, Pekan Kerteh yang dahulunya merupakan petem-patan nelayan telah menjadi sebuah bandar apabila penerokaan petroleum mula dijalankan di luar pantainya.</li> </ol>
Kepupusan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penebangan hutan tanpa kawa-lan untuk penerokaan sumber menyebabkan pokok-pokok yang berharga terancam.</li> <li>2. Penerokaan hutan juga memusnahkan ekosistem, menjelaskan tumbuhan semula jadi dan hidup-an liar.</li> <li>3. Antara tumbuhan dan hidupan liar yang diancam kepupusan ialah cengal, resak, pelbagai orkid hutan dan periuk kera, serta rusa, kijang dan seladang.</li> <li>4. Perlombongan mineral secara besar-besaran menyebabkan kepupusan sumber mineral. Contohnya, lombong bijih timah di Sungai Besi telah ditutup kerana kehabisan sumber.</li> </ol>
Peningkatan Suhu	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penebangan hutan secara tidak terkawal menyebabkan permukaan bumi terdedah.</li> <li>2. Suhu di kawasan tersebut akan meningkat kerana tidak ada litup-an tumbuh-tumbuhan.</li> <li>3. Ketiadaan tumbuhan hijau untuk menjalankan proses transpirasi menyebabkan udara persekitaran menjadi kering dan suhu meningkat antara <math>2^{\circ}\text{C}</math> hingga <math>4^{\circ}\text{C}</math>.</li> <li>4. Penebangan hutan di Tanah Tinggi Cameron menyebabkan suhu di Ringlet, Brinchang, dan Tanah Rata meningkat sebanyak <math>4^{\circ}\text{C}</math> dari tahun 1974 hingga tahun 2004.</li> </ol>
Hakisan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penerokaan hutan menyebabkan permukaan tanah terdedah kepada hakisan air larian permukaan.</li> <li>2. Ketiadaan akar tumbuhan untuk mencengkam tanah menyebabkan air larian menghakis tanah tersebut dan mengakibatkan tanah runtuh.</li> <li>3. Contohnya kejadian banjir lumpur di Pos Dipang, Ipoh akibat kegiatan penebangan hutan yang tidak diurus dengan baik.</li> <li>4. Penebangan hutan paya air masin pula menyebabkan hakisan pantai yang serius. Contohnya, penebangan hutan paya bakau di Matang, Perak dan Kuala Rompin, Pahang.</li> </ol>
Banjir	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pembalakkan yang berterusan menyebabkan kawasan hutan terdedah kepada air hujan secara terus dan air yang cepat ke sungai.</li> <li>2. Tanah yang menghakis dibawa oleh air larian dimendapkan di sungai berhampiran dan menyebabkan sungai menjadi cetek.</li> <li>3. Sekiranya sungai tidak mampu untuk menampung air yang banyak ketika hujan lebat, air yang berlebihan akan melipah dan menyebabkan banjir di kawasan rendah.</li> </ol>
Pencemaran	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bahan kelodak yang berpunca daripada hakisan tanah akibat penebangan hutan mengalir ke sungai dan mencemarkan air sungai.</li> <li>2. Kegiatan perlombongan bijih timah, emas, dan bauksit yang menggunakan banyak air untuk memisahkan mineral daripada bahan lain menyebabkan air buangan yang mengandungi sisa lombong dialirkan ke sungai dan mencemarkan air sungai.</li> <li>3. Perlombongan petroleum dan gas asli di luar pantai Malaysia menyebabkan pencemaran laut dan memusnahkan ekosistem laut.</li> <li>4. Kejadian tumpahan minyak dari kapal tangki mencemarkan air laut.</li> <li>5. Proses pemecahan batu kapur dan batu granit menyebabkan pencemaran udara.</li> <li>6. Pembakaran gas di loji pemprosesan turut menyebabkan pencemaran udara.</li> <li>7. Pembakaran sisa kayu di kawasan hutan menyebabkan udara berjerebu.</li> </ol>

### Latihan Pengukuhan (Soalan Subjektif)

Jawab semua soalan-soalan berikut

1. Perubahan pandang darat bermaksud

\_\_\_\_\_.

2. Contoh perubahan pandang darat fizikal akibat kegiatan perlombongan ialah :

a) \_\_\_\_\_

b) \_\_\_\_\_

3. Contoh perubahan pandang darat fizikal akibat penerokaan sumber air ialah:

a) \_\_\_\_\_

b) \_\_\_\_\_

4. Penerokaan petroleum di luar pantai Terengganu telah menyebabkan bentuk muka bumi pantai yang berpasir berubah menjadi

\_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.

5. Perubahan pandang darat budaya ialah perubahan dari industri primer ke industri tertier seperti :

a) \_\_\_\_\_

b) \_\_\_\_\_

c) \_\_\_\_\_

6. Spesies kayu yang diancam kepupusan seperti :

a) \_\_\_\_\_ d) \_\_\_\_\_

b) \_\_\_\_\_ e) \_\_\_\_\_

c) \_\_\_\_\_

7. Spesies hidupan liar yang diancam kepupusan ialah :

a) \_\_\_\_\_ c) \_\_\_\_\_

b) \_\_\_\_\_ d) \_\_\_\_\_

8. Aktiviti manusia yang menyebabkan kepupusan sumber semulajadi ialah :

a) \_\_\_\_\_

b) \_\_\_\_\_

c) \_\_\_\_\_

9. Penebangan hutan mengakibatkan peningkatan suhu bumi. Faktor-faktornya ialah :

a) \_\_\_\_\_

b) \_\_\_\_\_

10. Penebangan hutan dilakukan bagi tujuan :

a) \_\_\_\_\_

b) \_\_\_\_\_

c) \_\_\_\_\_

11. Hakisan tanah berlaku apabila

---

---

12. Akar-akar pokok berfungsi sebagai

---

---

13. Contoh kejadian tanah runtuh ialah

---

14. Banjir ialah

---

15. Banjir berlaku disebabkan

---

16. Penerokaan sumber yang mengakibatkan pencemaran udara dan air ialah \_\_\_\_\_  
dan \_\_\_\_\_.

17. Pelepasan asap dari kilang-kilang menapis petroleum di Kerteh, Terengganu dan Lutong, Sarawak telah membebaskan gas berbahaya seperti :

a) \_\_\_\_\_

b) \_\_\_\_\_

c) \_\_\_\_\_

d) \_\_\_\_\_

18. Akibat kuari telah menyebabkan udara dipenuhi \_\_\_\_\_ dan

\_\_\_\_\_ melalui proses \_\_\_\_\_ (blasting).

19. Contoh kawasan kuari batu kapur ialah \_\_\_\_\_ dan

\_\_\_\_\_.

20. Batu kapur merupakan sumber bahan mentah utama dalam industri membuat

\_\_\_\_\_.

## BAB 10: PENGURUSAN SUMBER

### Kepentingan Pengurusan Sumber

#### Mengelakkan kepupusan

1. Sumber yang boleh diperbaharui seperti air, hutan, dan tanah akan pupus jika digunakan secara berterusan tanpa perancangan.
2. Contohnya, sumber hutan akan pupus jika ditebang tanpa mengambil langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan.
3. Sumber air tidak boleh digunakan lagi jika pencemaran air terus berlaku dan air kumbahan dibuang tanpa dirawat.
4. Tenaga alternatif perlu dicari untuk menggantikan penggunaan sumber petroleum dan gas asli.

#### Mengekalkan keseimbangan eko-sistem

1. Komponen-komponen dalam ekosistem sentiasa berinteraksi melalui proses aliran tenaga, kitaran udara, dan rantaian makanan.
2. Interaksi tersebut menghasilkan satu aliran tenaga dan rantaian makanan yang berterusan serta memeliharaimbangan ekosistem.
3. Penerokaan sumber yang berterusan akan memutuskan rantaian makanan dan mengganggu keseimbangan ekosistem.

#### Menjamin bekalan sumber berterusan

1. Pengurusan sumber secara terkawal memastikan bekalan sumber yang berterusan pada masa depan.
2. Pertambahan bilangan penduduk pada masa depan akan menyebabkan permintaan terhadap bekalan makanan meningkat.
3. Haiwan dan tumbuhan yang cantik akan kepupusan jika tidak dipelihara dan dikekalkan dalam habitat asalnya.
4. Sumber mineral perlu digunakan sebaik mungkin supaya manfaatnya dapat dinikmati generasi akan datang.

### Langkah-langkah Pengurusan Sumber

#### Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan

1. Pemeliharaan ialah langkah mengekalkan sumber sedia ada melalui perancangan, pengawalan, dan penyelenggaraan bagi menjamin bekalan pada masa depan.
2. Pemuliharaan ialah langkah memperbaiki dan memulihara sumber atau kawasan pen-geluaran sumber yang telah diteroka.
3. Langkah-langkah pemeliharaan sumber hutan.
  - (a) Penebangan terpilih – pokok-pokok yang matang dan mempunyai saiz 45 cm diameter sahaja ditebang.
  - (b) Rawatan silvikultur – men-yemai, membaja, dan mera-wat spesies pokok hutan bernilai supaya membesar dengan cepat.
  - (c) Mewartakan hutan simpan dan taman negara – menye-lamatkan binatang liar daripada diancam kepupusan.
4. Langkah-langkah pemuliharaan sumber hutan.
  - (a) Penghutanan semula – menanam pokok-pokok cepat membesar dan ber-mutu tinggi di kawasan hutan yang telah ditebang.
  - (b) Penubuhan estet hutan – penebangan hutan untuk tujuan pembukaan kawasan pertanian, perindustrian, dan petempatan tidak dibenarkan.

5. Langkah-langkah mengalakkan hakisan permukaan tanah adalah seperti menanam tanaman tutup bumi dan menjalankan kaedah pemberian hidro.

#### Penguatkuasaan undang-undang

1. Beberapa agensi ditubuhkan untuk menguruskan sumber dengan baik.
  - (a) Jabatan Perhutanan – mengawal kegiatan pem-balakan.
  - (b) FRIM – menjalankan penye-lidikan pembangunan hutan.
  - (c) PERHILITAN – menjaga taman negara dan hidupan liar serta memberi pendidi-kan konservasi hutan.
2. Undang-undang diwujudkan untuk menlindungi flora dan fauna.
  - (a) Akta Hutan Negara 1985 – mewartakan kawasan taman negara dan kawasan rizab perlindungan hidupan liar.
  - (b) Dasar Perhutanan Negara 1987 – memelihara keseim-bangan hutan untuk kepen-tingan ekologi.
  - (c) Akta Kulaiti Alam Sekitar 1974 – menjaga sumber air daripada tercemar.

#### Pendidikan

1. Usaha pendidikan dijalankan melalui galakkan melawat taman negara dan kempen kesedaran.
2. Contohnya, kempen “Cintailah Sungai Kita” dilancarkan untuk mengawal pencemaran sungai.
3. *World Wide Life Fund for Nature (WWF)* telah memperjuangkan isu-isu pemeliharaan dan pemuliharaan hutan dan hidupan liar dengan melancarkan kem-pen kesedaran, mengumpul dana dan melatih orang ramai dalam kegiatan berkaitan hutan.
4. Negara-negara dunia telah menubuhkan kerjasama untuk mengawal perdagangan tumbuhan dan pokok bunga liar yang diancam kepupusan.

#### **Pengurusan Sumber Air di Jepun**

1. Jepun memperoleh sumber air dari sungai, tasik, empangan dan laut.
2. Pengurusan sumber air di Jepun melibatkan aktiviti-aktiviti:
  - (a) Pengurusan lembangan secara bersepada.
  - (b) Teknologi perawatan air dimajukan.
  - (c) Air sisa industri dikitar se-mula untuk digunakan semula.
  - (d) Menggalakkan kaedah pem-bentungan dan sanitasi berkos murah.
  - (e) Pembaikan sistem kawalan banjir.
  - (f) Perawatan air sisa setempat.
  - (g) Menjalankan penyelidikan penyahgaraman air laut.
  - (h) Menjalankan penyelidikan menggunakan air laut dalam untuk pelbagai kegunaan.
3. Undang-undang di Jepun mewajibkan semua pengguna air di kawasan perindustrian merawat sisa air sebelum disalurkan ke sungai.
4. Kebaikan pengurusan sumber air di Jepun:
  - (a) Menjimatkan penggunaan air bersih daripada sumber semula jadi.
  - (b) Meningkatkan penggunaan semula sisa air yang dikitar semula.
  - (c) Mengurangkan penggunaan bahan kimia dalam air.
  - (d) Mengurangkan kos penye-lenggaraan.

### Latihan Pengukuhan

Jawab semua soalan berikut

1. Nyatakan 2 cara pengurusan sumber.

a) \_\_\_\_\_

b) \_\_\_\_\_

2. Nyatakan maksud pemeliharaan.


---

---


3. Nyatakan maksud pemuliharaan.

---

4. Lengkapkan rajah di bawah.



5. Lengkapkan rajah berikut:



6. Nyatakan fungsi agensi-agensi berikut:

a.Jabatan Perhutanan

---

b.Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM )

---

c.Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN )

---

7. Berdasarkan senarai di bawah,tentukan sama ada langkah tersebut langkah pemeliharaan atau langkah pemuliharaan.

- |  |  |
|--|--|
| 1. Penebangan terpilih<br>2. Estet hutan<br>3. Pemberian hidro<br>4. Rawatan Silvikultur | 5. Penghutanan semula<br>6. Tanaman tutup bumi<br>7. Pemeliharaan In-Situ<br>8. Hutan Simpan |
|--|--|

<b>Pemeliharaan</b>	<b>Pemuliharaan</b>
1._____	1._____
2._____	2._____
3._____	3._____
4._____	4._____

8. Nyatakan 3 langkah Penguatkuasaan undang-undang dalam pengurusan sumber hutan.

i\_\_\_\_\_

ii\_\_\_\_\_

iii\_\_\_\_\_

9. Nyatakan lain langkah pengurusan sumber air di Jepun.

i\_\_\_\_\_

ii\_\_\_\_\_

iii\_\_\_\_\_

iv\_\_\_\_\_

v\_\_\_\_\_

**TEMA 7 : SUMBER (Soalan objektif)**

1 Antara berikut, kombinasi manakah **benar** ?

Negara		Jenis sumber tenaga
I	Jepun	Ombak
II	Perancis	Angin
III	India	Biomas
IV	China	Pasang surut

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

2 Pernyataan manakah menerangkan kepentingan penerokaan sumber hutan ?

- I Menambah peluang pekerjaan
  - II Menyediakan bahan mentah industri
  - III Memajukan kemudahan infrastruktur
  - IV Menggalakkan pembukaan kawasan baru
- |              |              |
|--------------|--------------|
| A I dan II   | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV   |

Soalan 3 berdasarkan jadual di bawah

Sumber Tenaga		Negara
I	Angin	Jepun
II	Ombak	Perancis
III	Pasang surut	Belanda
IV	Biomas	India

3 Pasangan manakah yang betul ?

- |              |              |
|--------------|--------------|
| A I dan II   | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV   |

4 Antara berikut, kombinasi manakah **benar** ?

Sumber		Kegunaan
A	Kaolin	Marmor
B	Silika	Kaca
C	Granit	Tembikar
D	Kuprum	Aluminium


5 Tenaga biomas digunakan dengan meluas di negara

- A Belanda
- B China
- C India
- D Perancis

6 Antara berikut sumber yang tidak boleh diperbaharui ialah sumber

- A air
- B tanah
- C hutan
- D mineral

Soalan 7 berdasarkan gambar rajah di bawah



7 Aktiviti seperti dalam gambar rajah di atas berkaitan dengan pemprosesan daripada sumber


- A kaolin
- B kuprum
- C batu kapur
- D bijih timah

- Menyadur tin
- Membuat piuter
- Membuat bateri

8 Sumber yang digunakan dalam industri di atas terdapat di

- A Bukit Arang
- B Merit – Pila
- C Lembah Kinta
- D Teluk Ramunia

Soalan 9 berdasarkan peta di bawah



9 Antara berikut yang manakah benar tentang taburan sumber mineral yang ditandakan dalam peta di atas ?

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

10 Tenaga yang banyak dihasilkan di Iceland ialah tenaga


- A angin
- B suria
- C biomas
- D geotermal

“Sungai Angkat”  
“Cintai Sungai Kita”

11 Apakah tujuan kerajaan mengadakan kempen di atas ?

- A Mengetahui lokasi sungai
- B Mengurangkan pencemaran sungai
- C Meningkatkan darjah ketersampaihan
- D Menggalakkan pengangkutan air

Soalan 12 berdasarkan rajah di bawah




12 Antara berikut, yang manakah merupakan kesan penerokaan sumber di atas ?

- I Aras laut
- II Pasang surut terjejas
- III Habitat fauna terjejas
- IV Hakisan pantai semakin giat

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

Soalan 13 berdasarkan rajah di bawah



13 Kejadian di atas berlaku hasil daripada

- A pembakaran hutan
- B pembukaan hutan tidak terkawal
- C aktiviti mendalamkan sungai Perak
- D aktiviti menarah bukit untuk pembinaan jalan raya

14 Sungai yang berperanan menghasilkan kuasa hidroelektrik ialah

- A Sungai Pelagus
- B Sungai Kinabatangan
- C Sungai Baram
- D Sungai Bernam

15 Antara berikut, kombinasi yang manakah **benar** ?

<b>Empangan</b>		<b>Kegunaan</b>
I	Kenering	Menghanyut kayu balak
II	Klang Gates	Air domestik
III	Muda	Penanaman padi
IV	Tenom Pangi	Tenaga elektrik

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV


16 Antara berikut langkah manakah merupakan usaha untuk mengekalkan sumber hutan ?

- |                                     |                  |
|-------------------------------------|------------------|
| I Penambahan estet hutan            | C I, III dan IV  |
| II Penggunaan sumber alternatif     | D II, III dan IV |
| III Mengehadkan aktiviti penebangan |                  |
| IV Mewartakan hutan simpan kekal    |                  |
- 
- |                 |                  |
|-----------------|------------------|
| A I, II dan III | C I, III dan IV  |
| B I, II dan IV  | D II, III dan IV |

17 Antara berikut, yang manakah merupakan usaha pengurusan sumber air di Jepun ?

- |                                 |              |
|---------------------------------|--------------|
| I Membeli air dari negara jiran | C III dan IV |
| II Menggali telaga artes        | D I dan IV   |
| III Membina empangan            |              |
| IV Penyahgaraman air            |              |
- 
- |              |              |
|--------------|--------------|
| A I dan II   | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV   |

18 Antara berikut manakah produk industri yang berasaskan sumber mineral ?



- A I dan II  
B II dan III

- C III dan IV  
D I dan IV


19 Antara berikut, yang manakah merupakan langkah pemeliharaan sumber hutan di Malaysia ?

- I Penebangan terpilih  
II Hutan simpan  
III Rawatan silvilkultur  
IV Tanaman tutup bumi

- A I, II dan II  
B I, II dan IV

- C I, III dan IV  
D II, III dan IV


Soalan 20 berdasarkan rajah di bawah




20 Berdasarkan rajah di atas, apakah usaha yang dijalankan untuk memenuhi permintaan tersebut ?

- A Membina empangan  
B Mengawal pembalakan  
C Meneroka sumber baru  
D Memajukan sumber perindustrian

Soalan 21 berdasarkan gambar rajah di bawah



- 21 Apakah langkah untuk mengurangkan pergantungan terhadap sumber yang dipasarkan ai atas ?
- A Mengitar semula
  - B Mengurangkan ekspor
  - C Mencari sumber galian
  - D Mempelbagaikan penggunaan
- 22 Bekalan air minuman boleh menjadi semakin berkurangan akibat
- I sukan air
  - II pembaziran air
  - III pencemaran air
  - IV pertumbuhan penduduk
- |                |                  |
|----------------|------------------|
| A I, II dan II | C I, III dan IV  |
| B I, II dan IV | D II, III dan IV |



- 23 Berdasarkan gambar rajah di atas, yang manakah menerangkan tentang kepentingan penerokaannya ?
- I Menyediakan peluang pekerjaan
  - II Mewujudkan kawasan pelancongan
  - III Menyediakan bahan mentah industri
  - IV Menggalakkan pembangunan infrastruktur
- |                |                  |
|----------------|------------------|
| A I, II dan II | C I, III dan IV  |
| B I, II dan IV | D II, III dan IV |

- Sumber mineral bukan logam
- Sumber tidak boleh diperbaharui
- Menghasilkan tenaga

24 Huraian di atas boleh dikaitkan dengan sumber

- |     |               |   |                |
|-----|---------------|---|----------------|
| I   | Kaolin        |   |                |
| II  | Gas asli      |   |                |
| III | Petroleum     |   |                |
| IV  | Arang batu    |   |                |
| A   | I, II dan III | C | I, III dan IV  |
| B   | I, II dan IV  | D | II, III dan IV |

25 Tenaga suria berpotensi dimajukan di Malaysia kerana

- |   |                                   |  |  |
|---|-----------------------------------|--|--|
| A | langit cerah                      |  |  |
| B | pancaran matahari sepanjang tahun |  |  |
| C | kepakaran yang tinggi             |  |  |
| D | kos murah                         |  |  |

26 Pencemaran air berlaku kesan daripada

- |     |                            |   |                |
|-----|----------------------------|---|----------------|
| I   | penebangan hutan           |   |                |
| II  | pembinaan bangunan konkrit |   |                |
| III | pembuangan air lombong     |   |                |
| IV  | tumpahan minyak            |   |                |
| A   | I, II dan III              | C | I, III dan IV  |
| B   | I, II dan IV               | D | II, III dan IV |

27 Penerokaan sumber petroleum tanpa kawalan boleh menyebabkan masalah berikut

- |     |                          |   |            |
|-----|--------------------------|---|------------|
| I   | banjir                   |   |            |
| II  | hakisan                  |   |            |
| III | kepupusan                |   |            |
